

**Yunus Beri Laluan Kepada Rosman Isli Untuk Kemudi Umno Labuan
Bernama
21 Ogos, 2013**

LABUAN, 21 Ogos (Bernama) -- Pemangku Ketua Umno Bahagian Labuan Senator Datuk Yunus Kurus akan memberi laluan kepada setiausaha bahagian Rosman Isli untuk menerajui bahagian itu pada pemilihan kali ini.

Yunus berkata beliau dan pemimpin lain dalam bahagian, termasuk Rosman dan naib ketua bahagian Datuk Bashir Alias sudah mengadakan perbincangan awal bagi maksud itu.

"Perbincangan kami menjurus kepada usaha memberi laluan kepada Rosman untuk menjawat jawatan ketua bahagian tanpa ada pertandingan.

"Saya juga ada menjelaskan tentang saranan pemimpin tertinggi parti yang mahu melihat gabungan pemimpin baru dan berpengalaman dalam barisan kepimpinan Umno termasuk di peringkat bahagian...apa yang penting ialah perpaduan di kalangan anggota parti," katanya kepada Bernama, Rabu.

Rosman yang juga anggota Parlimen Labuan sebelum ini dilaporkan sedia menimbang kemungkinan untuk bertanding jawatan itu bersama Bashir untuk jawatan timbalan ketua bahagian.

Yunus berkata usaha untuk memberi laluan itu tidak bermakna akan mengetepikan kepimpinan beliau dalam Umno bahagian, sebaliknya beliau akan menerima sebarang jawatan yang sesuai dengan pengalaman dan kepimpinannya.

"Pengalaman yang saya ada sebagai pemimpin lama dalam menerajui Umno bahagian Labuan masih boleh diguna pakai. Saya sentiasa berkhidmat untuk membantu memantapkan perpaduan dan kekuatan parti," katanya.

Sementara itu, Yunus berkata Umno Labuan akan memulakan mesyuarat cawangan pada malam ini dan dijangka selesai sebelum 15 Sept.

Umno Bahagian Labuan mempunyai 30 cawangan yang kini diterajui Yunus selepas bekas ketua bahagian itu, Datuk Suhaili Abd Rahman digantung keahlian beberapa tahun yang lepas.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=971570>